



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**PANDUAN PENGURUSAN DATA BAGI PERANCANGAN,
PELAKSANAAN DAN ANALISA PENCAPAIAN AKTIVITI
KAWALAN VEKTOR MALARIA**

***INDOOR RESIDUAL SPRAYING (IRS) DAN
INSECTICIDE TREATED NET (ITN)/ LONG LASTING
INSECTICIDAL NET (LLIN)***

**UNIT MALARIA
SEKTOR PENYAKIT BAWAAN VEKTOR
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Tahun 2022

ISI KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| PENGENALAN | 4 |
| BAHAGIAN A: PERANCANGAN KAWALAN VEKTOR MALARIA | 5 |
| 1. PERANCANGAN KAWALAN VEKTOR MALARIA..... | 6 |
| 2. PELAKSANAAN AKTIVITI KAWALAN VEKTOR MALARIA..... | 7 |
| 3. <i>MONITORING & EVALUATION</i> (M&E) | 8 |
| 4. KEPUTUSAN UNTUK MENGHENTIKAN AKTIVITI KAWALAN VEKTOR MALARIA..... | 8 |
| BAHAGIAN B: PANDUAN PENGGUNAAN DAN PENGISIAN BORANG KAWALAN VEKTOR MALARIA | 14 |
| 1. SENARAI BORANG BAGI PELAPORAN AKTIVITI KAWALAN VEKTOR MALARIA ... | 15 |
| 2. CARTA ALIR PENGURUSAN DATA UNTUK IRS DAN ITN/ LLIN..... | 18 |
| 3. PANDUAN PENGISIAN PROFIL LOKALITI & MAKLUMAT AKTIVITI KAWALAN VEKTOR MALARIA (KAD RUMAH) | 22 |
| 3.1 Profil Lokaliti..... | 22 |
| 3.2 Maklumat Aktiviti Program Eliminasi Malaria (Kad Rumah) | 26 |
| 4. PANDUAN PENGISIAN BORANG AKTIVITI SEMBURAN RESIDU | 27 |
| 4.1 Perancangan Dan Pencapaian Semburan Residu Kawalan Vektor Malaria | 27 |
| 4.2 Pembahagian Tugas Harian Penyembur & Liputan Semburan Residu Mengikut Rumah Di Lokaliti | 33 |
| 5. PANDUAN PENGISIAN BORANG ITN/LLIN..... | 38 |
| 5.1 Perancangan Dan Pencapaian Pengedaran Dan Pencelupan Kelambu ITN/ LLIN | 38 |
| 5.2 Rekod Pembekalan Dan Pencelupan Kelambu (ITN/LLIN) Bagi Setiap Rumah..... | 45 |
| 5.3 Rekod Pembekalan Dan Pencelupan Kelambu Mengikut Rumah Dalam Lokaliti | 49 |
| BAHAGIAN C: PANDUAN PENGISIAN DATA PERANCANGAN DAN PENCAPAIAN SEMBURAN RESIDU KELAMBU (IRS/ITN/LLIN) DALAM SISTEM VEKPRO | 55 |
| 1. TEMPOH MASA MENGUNCI MASUK DATA PERANCANGAN DAN PENCAPAIAN IRS/ITN/ LLIN DALAM SISTEM VEKPRO | 56 |
| 2. PANDUAN PENGISIAN BORANG PERANCANGAN DAN PENCAPAIAN SETENGAH TAHUN BAGI AKTIVITI SEMBURAN RESIDU DALAM SISTEM VEKPRO (BAHAGIAN 6I) | 56 |
| 3. PANDUAN PENGISIAN BORANG PERANCANGAN DAN PENCAPAIAN SETENGAH TAHUN BAGI AKTIVITI KELAMBU SISTEM VEKPRO (BAHAGIAN 6J) | 71 |

| | |
|---|------------|
| BAHAGIAN D: PANDUAN ANALISA PENCAPAIAN KAWALAN VEKTOR MALARIA | 85 |
| 1. INDIKATOR UNTUK PEMANTAUAN PENCAPAIAN AKTIVITI KAWALAN MALARIA (IRS/ ITN/ LLIN) | 86 |
| 2. ANALISA PENCAPAIAN LIPUTAN AKTIVITI IRS MENGGUNAKAN RETEN PEM:SEM101(2021) | 87 |
| 3. ANALISA PENCAPAIAN LIPUTAN AKTIVITI ITN/LLIN DARI SISTEM VEKPRO | 93 |
| 4. MENGHASILKAN JADUAL PENCAPAIAN LIPUTAN AKTIVITI IRS DAN ITN/LLIN.... | 105 |
| PERTANYAAN | 109 |
| LAMPIRAN | 110 |
| PEM:SEM107a(2021) | 111 |
| PEM:SEM 104(2021) | 112 |
| PEM:SEM 101(2021) | 113 |
| PEM:SEM105(2021) | 114 |
| PEM:KEM101(2021) | 115 |
| PEM:KEM102(2021) | 116 |
| PEM:KEM103(2021) | 117 |

PENGENALAN

Pada tahun 2012, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengedarkan Panduan Pengisian Borang Aktiviti Kawalan Vektor Malaria di dalam Pelaksanaan Pelan Strategik Eliminasi Malaria Kebangsaan 2011-2020. Seterusnya pada tahun 2015, Sistem Vekpro telah digunakan untuk merekodkan aktiviti kawalan vektor malaria. Dengan penggunaan sistem atas talian dan orientasi Program Eliminasi Malaria pada tahun 2017 yang fokus kepada pencegahan kemasukkan semula malaria manusia (Malaria re-introduction), Program Eliminasi Malaria telah menyemak dan mengemasikini semula borang-borang yang digunakan untuk mendokumentasikan aktiviti kawalan vektor malaria yang melibatkan semburan residu dan *Insecticide Treated Net (ITN)*/ *Long Lasting Insecticidal Net (LLIN)*.

Walaupun Sistem Vekpro telah digunakan untuk pengisian maklumat kawalan vektor malaria, penggunaan borang-borang masih perlu dikekalkan diperingkat pelaksanaan bagi merekodkan data – data asas lokaliti dan lain-lain data yang diperlukan untuk perancangan kawalan vektor malaria. Tambahan dengan masalah Modul Pengisian Data Perancangan dan Pencapaian *Indoor Residual Spraying (IRS)* dalam sistem Vekpro pada tahun 2022, penggunaan reten adalah penting untuk memastikan data direkodkan dan dapat dipantau di semua peringkat. Penggunaan borang-borang juga menjadi sumber rujukan sebelum data dikunci masuk dalam Sistem Vekpro

Dengan ini, panduan ini disediakan untuk membantu anggota di Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor samada Pembantu Kesihatan Awam (PKA)/ Penolong Pegawai Kesihatan Persekitan (PPKP)/ Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP)/ Pegawai Epid/ Pegawai Perubatan atau mana-mana anggota kesihatan untuk merancang, memasukkan data aktiviti kawalan vektor dalam borang dan sistem vekpro serta menganalisa pencapaian aktiviti kawalan malaria yang berdasarkan indikator yang ditetapkan.

Borang/ reten yang sama juga akan digunakan untuk perancangan dan pelaksanaan aktiviti *Outdoor Residual Spraying (ORS)* bagi kawalan vektor malaria zoonotik pada masa yang akan datang.

BAHAGIAN A: PERANCANGAN KAWALAN VEKTOR MALARIA

1. PERANCANGAN KAWALAN VEKTOR MALARIA

Perancangan kawalan vektor malaria iaitu aktiviti *Indoor Residual Spraying* atau *Insecticide Treated Net (ITN)/ Long-lasting Insecticidal Net (LLIN)* melibatkan beberapa langkah yang utama seperti berikut (**Gambarajah 1**):

- i. Mengemaskini data foci malaria.
- ii. Mengenalpasti dan menyenaraikan lokaliti yang perlu kawalan IRS/ ITN/ LLIN.
- iii. Menentukan jenis kawalan vektor (IRS atau ITN/LLIN) & bilangan pusingan yang diperlukan.
- iv. Membuat jadual perancangan aktiviti IRS/ ITN/ LLIN.
- v. Mengemaskini profil lokaliti kawalan.

Berdasarkan pendaftaran foci malaria dan indeks *Re-Introduction (RV)*, pasukan kawalan vektor perlu menentukan jumlah lokaliti yang perlu dilaksanakan aktiviti kawalan vektor malaria. Perancangan aktiviti kawalan vektor malaria yang regular dilakukan dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Disember dan Jun.

IRS dan ITN/LLIN perlu dilaksanakan untuk enam (6) pusingan atau minimum tiga (3) tahun di *Active Foci/ Residual Non Active Foci*. Pusingan pertama kawalan vektor malaria di *Active Foci* mesti dilaksanakan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notifikasi kes pertama malaria manusia jangkitan tempatan. Untuk *Cleared Foci* dengan indeks RV tinggi atau sederhana, kawalan vektor samada ada IRS/ ITN/ LLIN perlu dilaksanakan untuk minimum dua (2) pusingan atau setahun.

Semua kawalan vektor malaria harus dilakukan secara berkala dengan kekerapan enam (6) bulan sekali kecuali dalam keadaan khas di mana permukaan dinding mempunyai daya serapan racun serangga yang rendah dan memerlukan semburan residu yang lebih kerap. Aktiviti kawalan vektor yang dirancang perlu direkodkan menggunakan retan PEM:SEM 101(2021) untuk IRS dan PEM: KEM 103(2021) & PEM:KEM101(2021) untuk ITN/LLIN.

Pelaksanaan Kawalan Vektor Malaria berdasarkan klasifikasi Foci Malaria dan indeks RV adalah seperti dalam (**Jadual 1**).

Jadual 1: Intervensi Kawalan Vektor Malaria berdasarkan Klasifikasi Foci Malaria dan indeks RV

| <i>FOCI CLASSIFICATION</i> | <i>RV INDEX</i> | <i>VECTOR CONTROL INTERVENTIONS</i> |
|-----------------------------------|------------------------|---|
| <i>Pseudofoci</i> | | <ul style="list-style-type: none">• <i>No vector control intervention</i> |
| <i>Active Foci</i> | | <ul style="list-style-type: none">• <i>Vector Control Intervention (IRS & ITN for Minimum 6 cycles/ 3 years).</i> |

| FOCI CLASSIFICATION | RV INDEX | VECTOR CONTROL INTERVENTIONS |
|---------------------------------|-----------------|---|
| <i>Residual Non-active Foci</i> | | <ul style="list-style-type: none"> • <i>Vector Control (continuation)</i> • <i>ERA after 6 cycles of vector control</i> |
| <i>Cleared Foci</i> | <i>HIGH</i> | • <i>Vector Control (Minimum 2 cycles/ 1 year).</i> |
| | <i>MEDIUM</i> | • <i>ERA every 2 cycles of vector control</i> |
| | <i>LOW</i> | • <i>No vector control intervention</i> |

2. PELAKSANAAN AKTIVITI KAWALAN VEKTOR MALARIA

Sebelum pelaksanaan aktiviti kawalan vektor di lapangan, pasukan kawalan vektor perlu membuat persediaan dengan mengambil langkah-langkah berikut (**Gambarajah 1**):

- i. Menyemak keperluan kawalan vektor iaitu logistik dan sumber tenaga manusia.
- ii. Membuat pengagihan tugas aktiviti IRS/ ITN/ LLIN.
- iii. Mengenalpasti ketua pasukan & pasukan kawalan vektor.
- iv. Menjelaskan tugas dan tanggungjawab ketua pasukan dan penyembur/ anggota kawalan vektor.
- v. Memberi notis pemberitahuan atau makluman awal di lokaliti.
- vi. Menentukan jenis dan keperluan racun serangga.

Semasa pelaksanaan kawalan vektor malaria di lapangan, penyelia perlu memastikan kehadiran ketua pasukan dan pasukan kawalan. Penyelia perlu membuat pembahagian tugas menggunakan borang PEM: SEM 105(2021) untuk IRS dan PEM: KEM 102(2021) untuk ITN/LLIN.

Selepas pelaksanaan aktiviti kawalan vektor di lapangan, penyembur/ anggota pasukan kawalan vektor perlu merekodkan aktiviti kawalan vektor malaria yang telah dilaksanakan dalam kad rumah PEM:SEM104(2021). Kad rumah ini perlu dilekat pada luar rumah/ setiap premis yang telah dilaksanakan kawalan vektor malaria.

Penyembur/ anggota pasukan kawalan perlu merekod liputan kawalan vektor dalam borang tertentu iaitu PEM:SEM 105(2021) untuk IRS dan PEM:KEM102 (2021) untuk ITN/LLIN. Seterusnya Ketua Pasukan perlu membuat penilaian awal di lapangan untuk mengetahui liputan kawalan vektor malaria yang dilaksanakan berdasarkan maklumat yang diisi oleh anggota.

Selepas pasukan kawalan kembali ke pejabat, data- data pencapaian liputan kawalan di seluruh lokaliti dan daerah kawalan vektor perlu diisi dalam semula dalam borang PEM:SEM 101(2021) untuk semburan residu dan PEM: KEM 103(2021) & PEM:KEM101(2021) untuk ITN/LLIN. Borang-borang ini perlu dilengkapi sebelum data dimasukkan dalam sistem vekpro dalam tempoh seminggu selepas kawalan vektor malaria lengkap dilaksanakan.

3. MONITORING & EVALUATION (M&E)

Bagi pemantauan keberkesanan setiap aktiviti kawalan vektor malaria, pasukan kawalan di daerah boleh membuat penilaian berikut:

- i. IRS: menyemak samada semburan yang dilaksanakan mencapai konsep TOCOSURE iaitu liputan premis, semburan lengkap dan dosaj racun mencukupi berdasarkan pengisian data di Borang PEM:SEM105(2021) atau data yang dimuat turun dari sistem vekpro.
- ii. ITN/ LLIN: menyemak dosej racun serangga untuk pencelupan ITN dan bilangan penduduk yang dilindungi dengan ITN/LLIN untuk setiap rumah dan lokaliti berdasarkan pengisian data dalam borang PEM:KEM102(2021) dan PEM:KEM103(2021).

Keberkesanan aktiviti kawalan vektor malaria juga dilaksanakan melalui kajian bioassay iaitu *wall bioassay* untuk IRS dan *net bioassay* untuk ITN/LLIN oleh pasukan Entomologi di *Active foci*. Dengan kajian biossay, kualiti semburan residu, dosej racun dan ketahanan racun serangga pada permukaan semburan atau kelambu dapat dinilai.

Selain itu, petunjuk prestasi operasi (operational performance indicators) juga perlu dipantau secara berkala di semua peringkat dari segi pencapaian liputan pelaksanaan, premis dan penduduk. Analisa prestasi ini boleh dibuat melalui data yang dimasukkan dalam sistem vekpro (Rujuk BAHAGIAN D PANDUAN ANALISA ANALISA LIPUTAN AKTIVITI KAWALAN VEKTOR).

Berdasarkan penilaian keberkesanan aktiviti kawalan vektor, Unit Kawalan Vektor PKD/JKN perlu mengambil tindakan susulan atau penambahbaikan sama ada *mopping up* atau pelaksanaan semula aktiviti kawalan vektor diperlukan bagi memastikan aktiviti kawalan vektor berkesan dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

4. KEPUTUSAN UNTUK MENGHENTIKAN AKTIVITI KAWALAN VEKTOR MALARIA

Keputusan untuk menghentikan kawalan vektor malaria harus berdasarkan penilaian semula Indeks RV di foci tersebut. Sekiranya indeks RV di masih tinggi atau sederhana, aktiviti kawalan vektor mesti diteruskan.

Gambarajah 1: Carta Alir Proses Perancangan & Pelaksanaan Kawalan IRS dan ITN/LLIN

| NO | PROSES | AKTIVITI | PIC | TEMPOH MASA |
|----------------------|---|---|----------------|-----------------|
| A PERANCANGAN | | | | |
| 1 | Mengemaskini data foci malaria | Kemaskini maklumat foci dalam sistem myFoci | PPKP/ PKP/ AKS | Sepanjang tahun |
| 2 | Mengenalpasti dan menyenaraikan lokaliti yang perlu kawalan IRS/ITN: | <p>Cara mengenalpasti lokaliti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. klasifikasi foci dan tahap re-introduction (RV) stratifikasi tahun sebelum melalui sistem myfoci <p>Pilihan lokaliti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Wajib di lokaliti <i>Active Foci</i>, <i>Residual Non Active</i> dan <i>Cleared Foci</i> dengan RV tinggi. ii. Pilihan: <i>Cleared Foci</i> dengan RV sederhana. | PPKP/ PKP/ AKS | Disember/ Jun |
| 3 | Menentukan jenis kawalan vektor (IRS atau ITN/LLIN) & bilangan pusingan yang diperlukan | <p>Jenis kawalan vektor:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. IRS/ITN/LLIN: <i>Active Foci</i>, <i>Residual Non Active Foci</i>, <i>Cleared Foci</i> <p>Bilangan Pusingan kawalan yang diperlukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Active Foci/ Residual Non Active Foci</i>: 6 cycles (3 tahun) ii. <i>Cleared Foci</i>: 2 cycles (1 tahun) iii. IRS/ITN/LLIN dijalankan 6 bulan sekali kecuali keadaan tertentu | PPKP/ PKP/ AKS | Disember/ Jun |

| NO | PROSES | AKTIVITI | PIC | TEMPOH MASA |
|----------------------|--|--|---------------|-----------------------------------|
| 4 | Membuat jadual perancangan aktiviti IRS & ITN/LLIN | i. Menyediakan jadual aktiviti berdasarkan bilangan lokaliti kawalan & bilangan pasukan kawalan. ii. Mengetahui norma kerja pasukan kawalan iii. Mengenalpasti pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap kawalan iv. Memasukkan data perancangan kawalan dalam borang: <ul style="list-style-type: none"> • PEM:SEM 101 (2021) • PEM:KEM 101 (2021) | PPKP/ PKP/PKA | Disember/ Jun |
| | | v. Memasukkan data perancangan kawalan dalam sistem Vekpro bagi ITN/LLIN <ul style="list-style-type: none"> • IRS : Vekpro (6I)* • ITN/LLIN : Vekpro (6J) | PPKP/ /PKA | P1:15 – 31 Dis P2: 15 – 30 Jun |
| 5 | Mengemaskini profil lokaliti kawalan | i. Melengkapkan Profil Lokaliti [PEM: SEM 107a(2021)] ii. Mengemaskini <i>Geographical Renaissance</i> (GR) | PKA/PPKP | Sebelum aktiviti |
| B PELAKSANAAN | | | | |
| 6 | Sebelum Pelaksanaan Aktiviti | i. Menyemak keperluan kawalan vektor, logistik, sumber tenaga manusia (Senarai semak) ii. Membuat pengagihan tugas aktiviti IRS & ITN/LLIN <ul style="list-style-type: none"> • IRS: Pembahagian Tugas Harian Penyembur & Liputan Semburan Residu Mengikut Rumah Di | PPKP/PKA | Sehari sebelum dan di lapangan |

| NO | PROSES | AKTIVITI | PIC | TEMPOH MASA |
|----|--------------------------------------|--|----------|-----------------|
| | | Lokaliti [PEM:SEM 105(2021)] <ul style="list-style-type: none"> ITN/ LLIN: Rekod Pembekalan Dan Pencelupan Kelambu (ITN/LLIN) Bagi Setiap Rumah [PEM: KEM102(2021)] iii. Mengenalpasti ketua pasukan & pasukan iv. Menjelaskan TOR ketua pasukan dan penyembur/ anggota v. Memberi notis pemberitahuan/ makluman awal vi. Menentukan jenis racun dan keperluan racun | | |
| 7 | Semasa Pelaksanaan kawalan | i. Memastikan kehadiran ketua pasukan & pasukan kawalan ii. Pembahagian tugasan: <ul style="list-style-type: none"> IRS: [PEM: SEM 105(2021)] ITN/ LLIN: [PEM: KEM 102(2021)] | PPKP/PKA | Semasa aktiviti |
| 8 | Melaksanakan aktiviti IRS & ITN/LLIN | i. Melaksanakan aktiviti kawalan di lapangan | PPKP/PKA | |
| 9 | Selepas Pelaksanaan kawalan | i. Mengisi kad rumah PEM:SEM 104(2021) ii. Membuat penilaian awal di lapangan untuk mengetahui liputan kawalan iii. Merekod liputan kawalan dalam borang: | PPKP/PKA | Serta-merta |

| NO | PROSES | AKTIVITI | PIC | TEMPOH MASA |
|--|--|---|-------------------|------------------------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • PEM:SEM 105 (2021), • PEM:KEM 102 (2021) | | |
| | | iv. Mengisi liputan kawalan dalam borang: <ul style="list-style-type: none"> • PEM:SEM 101(2021) • PEM: KEM 103(2021), PEM:KEM101(2021) | PPKP/PKA | Dalam sehari selepas kawalan |
| | | v. Kemasukkan data pencapaian dalam vekpro online bagi ITN/LLIN: <ul style="list-style-type: none"> • IRS : Vekpro (6I)* • ITN/LLIN : Vekpro (6J) | | Dalam seminggu kawalan selesai |
| C MONITORING & EVALUATION (M&E) | | | | |
| 10 | Menganalisa keberkesanan & pencapaian kawalan IRS/ITN/LLIN | i. Menganalisa keberkesanan aktiviti secara TOCOSURE (IRS) | PPKP/PPK | Serta-merta |
| | | ii. Memantau KPI kawalan vektor malaria | PPKP/PPK | Bulanan/ s |
| | | iii. Menjalankan <i>bioassays</i> di <i>Active Foci</i> (lain-lain foci bergantung kepada kemampuan sumber) | AKS | 2 minggu dari tarikh kawalan tamat |
| 11 | Tindakan susulan/ penambahbaikan | i. Mencadangkan tindakan susulan | AKS/PPK/ Peg Epid | Serta - merta |
| | | ii. Melaksanakan tindakan susulan (Mopping up) jika perlu | PPKP/PKA | Serta - merta |

| NO | PROSES | AKTIVITI | PIC | TEMPOH MASA |
|--|--|--|-----------------------|--------------------------------------|
| D MEMBERHENTIKAN IRS/ITN/LLIN (SELEPAS LENGKAP KAWALAN REGULAR) | | | | |
| 12 | Menjalankan penilaian <i>receptivity</i> dan <i>vulnerability selepas</i> lengkap IRS/ITN/LLIN regular | i. Menjalankan penilaian <i>receptivity</i> dan <i>vulnerability</i> untuk menentukan keperluan kawalan vektor seterusnya. | AKS/ PPKP | selepas lengkap IRS/ITN/LLIN regular |
| 13 | Membuat keputusan sama ada IRS/ITN/LLIN perlu diteruskan. | ii. Membuat keputusan sama ada IRS/ITN/LLIN perlu diteruskan | AKS/ PPKP Peg Epid | Selepas mendapat indeks RV |

Nota :

PIC : *Person in Charge*

P1 : Pusingan Pertama (Jan - Jun)

P2 : Pusingan Kedua (Julai - Disember)

Kawalan regular bermaksud IRS/ITN/LLIN yang telah dilaksanakan 6 pusingan (3 tahun) di Active Foci/ RNA atau 2 Pusingan di Cleared Foci (Setahun).

*Pengisian dalam Sistem Vekpro apabila Modul IRS dibaikpulih

**BAHAGIAN B: PANDUAN PENGGUNAAN DAN PENGISIAN
BORANG KAWALAN VEKTOR MALARIA**

1. SENARAI BORANG BAGI PELAPORAN AKTIVITI KAWALAN VEKTOR MALARIA

Setiap proses perancangan dan pelaksanaan aktiviti kawalan vektor malaria melibatkan penggunaan borang tertentu dan dikunci masuk ke dalam Sistem Vekpro. Namun, modul IRS tidak dapat digunakan lagi dalam sistem Vekpro bermula tahun 2012. Semua rekod perancangan dan pencapaian semburan residu adalah menggunakan borang/ reten.

Senarai borang yang telah dikemaskini bagi penggunaan untuk merekodkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti kawalan Semburan Residu (IRS/ORS) dan ITN / LLIN adalah seperti dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Senarai Borang Untuk Aktiviti Kawalan Vektor Malaria

| Bil | Kod Borang | Tajuk Borang | Tujuan | Tanggungjawab |
|---|---------------------|----------------|--|---------------------------|
| Profil Lokaliti & Maklumat Aktiviti Kawalan Vektor Malaria | | | | |
| 1 | PEM:SEM 107a (2021) | Profil Lokalti | a) Merekod data demografi, maklumat ₂ geografi & kemudahan asas di lokaliti. b) Borang ini disediakan sebelum aktiviti kawalan vektor malaria dijalankan. c) Mencadangkan Kawalan Vektor Malaria yg diperlukan. | Disediakan oleh: PKA/PPKP |
| 2 | PEM:SEM 104(2021) | Kad Rumah | a) Merekodkan aktiviti kawalan vektor malaria (IRS/ ITN/ LLIN) dan lain-lain aktiviti yang dilaksanakan di setiap rumah. b) Lekat disetiap rumah. | PKA |
| Semburan Residu | | | | |

| Bil | Kod Borang | Tajuk Borang | Tujuan | Tanggungjawab |
|-----------------|--------------------|---|---|--|
| 1 | PEM:SEM 101(2021) | Perancangan Dan Pencapaian Setengah Tahun Aktiviti Semburan Residu | a) Merancang IRS dan menilai pencapaian untuk setiap pusingan di daerah/negeri. b) Perlu diisi untuk setiap pusingan kawalan sebelum memasukkan maklumat dalam sistem vekpro. | Disediakan oleh: PPKP U29/ PKA Disemak oleh: PPKP U29/U32 Diperakui oleh: PPKP U36/PKP Disahkan oleh: PKP/Ketua Unit/ PKD |
| 2 | PEM:SEM 105(2021) | Pembahagian Tugas Harian Penyembur & Liputan Semburan Residu Mengikut Rumah Di Lokaliti | a) Membuat Pembahagian Tugas (diisi oleh Penyelia di lapangan) b) Merekod pencapaian semburan residu mengikut rumah dan kemaskini rekod penghuni rumah (Diisi oleh Penyembur) c) Borang ini perlu diisi sebelum memindahkan data ke Borang PEM:SEM101(2021) | Disediakan oleh (Penyelia di lapangan) : PPKP/ PKA Disemak oleh: PPKP U29/U32 |
| ITN/LLIN | | | | |
| 1 | PEM:KEM 101 (2021) | Perancangan Dan Pencapaian Pengedaran Dan Pencelupan Kelambu Itn/ Llin | a) Merancang aktiviti ITN/LLIN dan menilai pencapaian setiap pusingan. b) Perlu diisi untuk setiap pusingan kawalan sebelum memasukkan maklumat dalam sistem vekpro. | Disediakan oleh: PPKP U29/ PKA Disemak oleh: PPKP U29/U32 Diperakui oleh: PPKP U36/PKP Disahkan oleh: PKP/Ketua Unit/ PKD |
| 2 | PEM:KEM 102 (2021) | Rekod Pembekalan Dan Pencelupan Kelambu Bagi Setiap Rumah | Digunakan oleh penyelia di lapangan untuk merekod aktiviti ITN/LLIN mengikut rumah. | Disediakan oleh: PKA/PPKPU29 Disemak oleh: PPKP U29/U32 Diperakui oleh: PPKP U36 Disahkan oleh: PKP/PPKPU36 |

| Bil | Kod Borang | Tajuk Borang | Tujuan | Tanggungjawab |
|-----|--------------------|---|---|---|
| 3 | PEM: KEM103 (2021) | Rekod Pembekalan Dan Pencelupan Kelambu Mengikut Rumah Dalam Lokaliti | Merekod aktiviti pembekalan dan pencelupan kelambu ITN/LLIN setiap rumah di lokaliti berdasarkan PEM:KEM 102 (2021) | Disediakan oleh: PPKP U29 Disemak oleh: PPKP U32 Diperakui oleh: PPKP U36 Disahkan oleh: PKP Ketua Unit/ PKD |

Untuk tahun 2022, modul IRS dalam sistem Vekpro tidak dapat digunakan disebabkan oleh masalah sistem. Perancangan dan pencapaian semburan residu perlu direkodkan dalam PEM:SEM 101(2021) untuk dihantar ke Unit Malaria KKM mengikut tempoh seperti berikut dalam **Jadual 2** sehingga sistem Vekpro dapat dibaikpulih .

Jadual 2 : Tempoh Penghantaran reten PEM:SEM101(2021) ke KKM sehingga sistem Vekpro dibaikpulih

| Bil | Pusingan & Tempoh | Peringkat | Tarikh hantar Perancangan | Tarikh hantar Pencapaian |
|-----|-------------------------------|------------|---------------------------|--------------------------|
| i | 1 (Jan - Jun) tahunan | PKD ke JKN | 2 Jan tahun seterusnya | 2 Julai tahun semasa |
| | | JKN Ke KKM | 15 Jan tahun seterusnya | 15 Julai tahun semasa |
| ii | 2 (Julai - Dis) tahunan | PKD ke JKN | 2 Julai tahun semasa | 2 Jan tahun seterusnya |
| | | JKN Ke KKM | 15 Julai tahun semasa | 15 Jan tahun seterusnya |

2. CARTA ALIR PENGURUSAN DATA UNTUK IRS DAN ITN/ LLIN.

Carta Alir ini bertujuan menjelaskan borang – borang yang diperlukan, sistem online yang terlibat, pegawai bertanggungjawab (PIC) dan tempoh masa yang ditetapkan bagi memasukkan data Perancangan & Pelaksanaan Aktiviti IRS dan ITN / LLIN (**Gambarajah 1 dan 2**).

| Sumber Data | Proses | Borang/ Sistem | PIC | Tempoh masa |
|---|--|--------------------------|----------------|--------------------------------------|
| Perancangan IRS | | | | |
| Myfoci, senarai lokaliti pusingan sebelum | Mengenalpasti lokaliti untuk aktiviti IRS | | PPKP/ PKP/ AKS | |
| PEM:SEM 107a(2021) | Melengkapkan data asas lokaliti untuk aktiviti IRS | PEM:SEM 101(2021) | PPKP/ PKA | P1 (Jan-Jun) P2 (Julai- Dis) |
| | Melengkapkan data perancangan IRS | PEM:SEM 101(2021) | PPKP/ PKA | |
| PEM:SEM 101 (2021) | Memasukkan data perancangan dalam sistem vekpro* | Vekpro Modul IRS - 6I | PPKP/ PKA | P1: 15/12 – 31/12 P2: 15/6 – 30/6 |
| PEM:SEM 101(2021) | Validasi Data Perancangan | Vekpro PEM:SEM 101(2021) | PPKP/ PKP | P1: Jan P2: Julai |
| Pelaksanaan & Pencapaian IRS | | | | |
| PEM:SEM 101(2021) | Membuat pengagihan tugas pelaksanaan IRS | PEM:SEM 105(2021) | PPKP/ PKP | Pada hari aktiviti |
| | Merekodkan pencapaian liputan IRS setiap premis | PEM:SEM 105 (2021) | PPKP/ PKA | Pada hari aktiviti |
| PEM:SEM 105 | Melengkapkan data pencapaian IRS | PEM:SEM 101(2021) | PPKP/ PKA | Sehari selepas aktiviti lengkap |
| PEM:SEM 101 (2021) | Memasukkan data pencapaian dalam sistem vekpro* | Vekpro Modul IRS - 6I | PPKP/ PKA | P1: 15/12 – 31/12 P2: 15/6 – 30/6 |

| Sumber Data | Proses | Borang/ Sistem | PIC | Tempoh masa |
|-----------------------|--|---------------------------------|-----------|----------------|
| PEM: SEM 101(2021) | Validasi Data Perancangan & Pencapaian | Vekpro PEM: SEM 101(2021) | PPKP/ PKP | Secara bulanan |

Nota :

PIC : Person In Charge

P1 : Pusingan Pertama (Jan - Jun)

P2 : Pusingan Kedua (Julai - Disember)

*Pengisian dalam Sistem Vekpro apabila Modul IRS dibaikpulih

Gambarajah 1: Pengurusan Data Aktiviti Semburan Residu

| Sumber Data | Proses | Borang/ Sistem | PIC | Tempoh masa |
|--|--|--|----------------|--------------------------------------|
| Perancangan ITN/LLIN | | | | |
| Myfoci, senarai lokaliti pusingan sebelum | Mengenalpasti lokaliti untuk ITN/ LLIN | | PPKP/ PKP/ AKS | Dis/ Jun |
| PEM:SEM 107a(2021) | Melengkapkan data asas lokaliti ITN/LLIN | PEM : KEM101 (2021) | PPKP/ PKA | |
| | Melengkapkan data perancangan | PEM : KEM101 (2021) | PPKP/ PKA | |
| PEM:KEM101 (2021) | Memasukkan data perancangan dalam sistem vekpro | Vekpro Modul ITN - 6J (Bhg. A,B,C) | PPKP/ PKA | P1: 15/12 – 31/12 P2: 15/6 – 31/6 |
| Vekpro PEM:KEM101 (2021) | Validasi Data Perancangan | Vekpro PEM:KEM101 (2021) | PPKP/ PKP | P1: Jan P2: Julai |
| Pelaksanaan & Pencapaian ITN/LLIN | | | | |
| Senarai perancangan dari vekpro/ PEM:KEM101 (2021) | Pengagihan tugas pelaksanaan ITN/LLIN | | PPKP/ PKP | Pada hari aktiviti |
| | Merekodkan pencapaian liputan ITN/LLIN dilapangan mengikut rumah | PEM:KEM102(2021) | PPKP/ PKA | Pada hari aktiviti |
| PEM:KEM 102(2021) | Melengkapkan data pencapaian ITN/LLIN lokalti | PEM:KEM 103(2021) PEM:KEM 101(2021) | PPKP/ PKA | Sehari selepas aktiviti lengkap |
| PEM:KEM 101(2021) | Memasukkan data pencapaian dalam sistem vekpro | Vekpro Modul ITN 6J, Bhg. D,E,F) | PPKP/ PKA | Seminggu selepas aktiviti lengkap |

| Sumber Data | Proses | Borang/ Sistem | PIC | Tempoh masa |
|---------------------------------|--------------------------|---------------------------------|--------------|----------------|
| Vekpro PEM: KEM 101(2021) | Validasi data pencapaian | Vekpro PEM: KEM 101(2021) | PPKP/ PKP | Secara bulanan |

Nota :

- PIC : Person In Charge
P1 : Pusingan Pertama (Jan - Jun)
P2 : Pusingan Kedua (Julai - Disember)

Gambarajah 2: Pengurusan Data Aktiviti ITN/LLIN

3. PANDUAN PENGISIAN PROFIL LOKALITI & MAKLUMAT AKTIVITI KAWALAN VEKTOR MALARIA (KAD RUMAH)

3.1 Profil Lokaliti

Tajuk Borang : Profil Lokaliti
 Kod Borang : PEM: SEM 107a(2021)

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|----------------------------|--|---|
| PEM :SEM 07a (2021) | | |
| | Nama Lokaliti dan Kod lokaliti | Catatkan nama dan kod lokaliti (Guna Kod sedia ada) |
| | Nama Mukim dan Kod | Catatkan nama dan kod mukim (Guna Kod sedia ada) |
| | Nama Daerah dan Kod | Catatkan nama dan kod daerah (Guna Kod sedia ada) |
| | Nama Negeri dan Kod | Catatkan nama dan kod negeri (Guna Kod sedia ada) |
| | Status Lokaliti | Catatkan status stratifikasi foci sama ada Active Foci, Residual Non Active atau Cleared Foci |
| | Jenis Lokaliti : | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan samada: <ul style="list-style-type: none"> • OA Pendalaman • OA Pinggiran • Ladang • Kampung Tradisional • Bandar • Tapak Binaan • Pembalakan • Tanah Rancangan Persekutuan • Tanah Rancangan Negeri • Lain- lan (Sekiranya selain daripada pilhan di atas, nyatakan jenis lokaliti tersebut) |
| | Koordinat lokaliti (Latitud/ Longtitude) | Catatkan koordinat latitude dan longitude lokaliti menggunakan format WGS84 dengan 5 titik perpuluhan. |

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|-------------|-------------------------------|---|
| | Jarak ke Pejabat UKPBV Daerah | Catatkan jarak antara lokaliti dengan UKPBV Daerah dalam km |
| 1 -14 | Maklumat asas di lokaliti | |
| 1 | Cara perhubungan | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan Cara perhubungan dari pejabat ke lokalti samada melalui: <ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan • Berjalan kaki • Perahu/Boat |
| 2 | Kemudahan pengangkutan | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan yang disediakan di lokaliti atau jenis pengangkutan yang diperlukan untuk sampai ke lokaliti: <ul style="list-style-type: none"> • Kereta • 4WD • Boat • Keretapi • Kapal terbang • Tiada |
| 3 | Keadaan mukabumi | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan keadaan mukabumi: <ul style="list-style-type: none"> • Tanah rata • Berbukit |
| 4 | Kemudahan bekalan air | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan Kemudahan bekalan air di lokaliti: <ul style="list-style-type: none"> • Air Hujan • Air Perigi • Sungai • Gravity • Air JBA |
| 5 | Kemudahan Awam | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan Kemudahan Awam yang terdapat di lokaliti: <ul style="list-style-type: none"> • Balai Raya • Telefon • Pos |

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|-------------|---------------------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Kedai |
| 6 | Kemudahan Sekolah | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan jenis sekolah yang ada di lokaliti: <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Rendah • Sekolah Menengah • Sekolah Agama • Sekolah Swasta |
| 7 | Kemudahan Perubatan | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan jenis kemudahan kesihatan yang ada di lokaliti: <ul style="list-style-type: none"> • Klinik Kesihatan • Klinik Desa • Klinik Bergerak • Doktor Udara • Klinik Estete • Klinik Swasta • Hospital |
| 8 | Institusi Keagamaan | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan Institusi Keagamaan di lokaliti: <ul style="list-style-type: none"> • Gereja • Masjid/ Surau • Kuil/ Tokong |
| 9 | Organisasi Sosial | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan jenis Organisasi Sosial yang wujud: <ul style="list-style-type: none"> • JKKK • Persatuan Pemudah/Belia • Persatuan Wanita |
| 10 | Jumlah penduduk | Catatakan jumlah penduduk yang mendiami lokaliti semasa maklumat dikumpulkan. |
| 11 | Kumpulan Etnik | Catatakan Kumpulan Etnik yang majority mendiami lokaliti semasa maklumat dikumpulkan. |

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|------------------------------|--|---|
| 12 | Bilangan rumah dan Purata Keluasan rumah | Catatakan Bilangan rumah di lokaliti semasa maklumat dikumpulkan dan purata keluasan rumah. |
| 12a | Susunan rumah | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan susunan rumah: <ul style="list-style-type: none"> • Tersusun • Berselerak |
| 12b | Jenis rumah | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan jenis struktur rumah: <ul style="list-style-type: none"> • Tetap • Semi-tetap |
| 13 | Bilangan Pondok/ Sulap/ Kongsi Sementara dan Lain-lain serta keluasan premis (m ²) | Catatakan Bilangan Pondok/ Sulap/ Kongsi Sementara dan Lain-lain premis di lokaliti semasa maklumat dikumpulkan dan purata keluasan premis. |
| 14 | Cadangan Kawalan Vektor Malaria | Tandakan (√) di kotak yang telah disediakan cadangan aktiviti kawalan vektor malaria yang diperlukan di lokaliti: <ul style="list-style-type: none"> • IRS untuk kawalan vektor malaria manusia • ORS untuk kawalan vektor malaria zoonotik • ITN/LLIN |
| Laporan Data Disediakan Oleh | | |
| Nama & Tandatangan | | Isi nama penuh setelah selesai mengisi borang dan tandatangan |
| Jawatan | | Isi jawatan pegawai yang menyediakan profil lokaliti |
| Tarikh | | Catatkan tarikh borang selesai diisi |

3.2 Maklumat Aktiviti Program Eliminasi Malaria (Kad Rumah)

Tajuk Borang : Maklumat Aktiviti Program Eliminasi Malaria (Kad Rumah)
 Kod Borang : PEM:SEM104(2021)

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|-------------|--|--|
| | Negeri | Catatkan nama negeri berkenaan |
| | Daerah | Catatkan nama daerah berkenaan |
| 1 | Nombor rumah | Catatkan nombor bagi rumah / kongsi tetap /pondok / sulap / kongsi sementara berkenaan |
| 2 | Lokaliti | Catatkan nama lokaliti semburan residu/ ITN/LLIN dijalankan |
| 3 | Mukim | Catatkan nama mukim berkenaan |
| 4 | Status Lokaliti | Catatkan status lokaliti sama ada Active Foci/ RNA/ Cleared Foci |
| 5 | Nama Ketua Keluarga | Catatkan nama ketua keluarga bagi setiap rumah/ Kongsi tetap atau tuan punya bagi pondok /sulap atau ketua penghuni kongsi sementara bergantung kepada struktur yang disemur |
| 6 | Keluasan Permukaan Rumah yang perlu disemur residu : | Catatkan anggaran keluasan permukaan dinding dan lain-lain permukaan yang boleh disemur bagi setiap rumah/ Kongsi tetap atau pondok /sulap /kongsi sementara berkenaan dlm. m ² |
| 7 | Tarikh | Catatkan tarikh aktiviti yang dijalankan |
| 8 | Aktiviti | Catatkan aktiviti yang dilaksanakan di premis sama ada IRS, kelambu berubat, kajian dan lain-lain (sila nyatakan) |
| 9 -10 | Nama dan Jawatan | Catatkan nama penuh pada ruangan (9) dan jawatan anggota yang melaksanakan aktiviti pada ruangan (10) dan tempat bertugas anggota pada ruangan (11) |
| 12 | Tandatangan / catatan | Nyatakan makluman-makluman lain yang penting berkaitan aktiviti semburan residu di lokaliti berkenaan dan perlu ditandatangani oleh anggota yang melaksanakan aktiviti |

4. PANDUAN PENGISIAN BORANG AKTIVITI SEMBURAN RESIDU

4.1 Perancangan Dan Pencapaian Semburan Residu Kawalan Vektor Malaria

Tajuk Borang : Perancangan Dan Pencapaian Semburan Residu
Kawalan Vektor Malaria
Kod Borang : PEM: SEM 101(2021)

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|------------------------------|---|--|
| | Pusingan : (1 / 2) Bagi Tahun: 20..... | Sekiranya aktiviti dirancang dilaksanakan pada Jan-Jun bulatkan (1) Sekiranya aktiviti dirancang dilaksanakan pada Julai-Diis bulatkan (2) Catatkan tahun aktiviti dijalankan |
| 1 | Negeri (Kod / Nama) | Catatkan nama dan kod negeri (Guna Kod sedia ada) |
| 2 | Daerah (Kod / Nama) | Catatkan nama dan kod daerah (Guna Kod sedia ada) |
| RINGKASAN PERANCANGAN | | |
| 3-4 | Mukim (Kod / Nama) | Catatkan kod dan nama mukim lokaliti (Guna Kod sedia ada) |
| 5 | Jenis Lokaliti : | Pilih dari <i>dropdown list</i> jenis lokaliti : <ul style="list-style-type: none"> • OA Pendalaman • OA Pinggiran • Ladang • Kampung Tradisional • Bandar • Tapak Binaan • Pembalakan • Tanah Rancangan Persekutuan • Tanah Rancangan Negeri |
| 6 | Lain- lain, nyatakan | Sekiranya jenis lokaliti tidak ada disenarai <i>dropdown list</i> , catatkan jenis lokaliti tersebut. |

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|---|---------------------------------------|--|
| 7 | Bulan Dirancang | Catatkan bulan aktiviti dirancang dibuat |
| 8 | Tahun dirancang | Catatkan tahun aktiviti dirancang dibuat |
| 9 | Nama Pasukan Penyembur | Catatkan nama pasukan (sekiranya ada) |
| 10 | Bil. Penyembur | Catatkan bilangan penyembur yang terlibat |
| 11 | Jadual Pusingan | Pilih daripada <i>dropdown list</i> . Contoh RNA, pilih pusingan 1/2/3/4/5/6. Selepas pusingan 6, mula semula dgn. pusingan 1. Bagi Cleared Foci, pilih pusingan 1/2. Selepas pusingan 2, mula semula dgn. pusingan 1. |
| 12 | Jenis Semburan (Regular) | Pilih daripada <i>dropdown list</i> . i. IRS: kawalan vektor malaria manusia ii. ORS: kawalan vektor malaria zoonotik |
| PERANCANGAN AKTIVITI SEMBURAN RESIDU | | |
| 13 | ID Kawalan | Catatkan ID kawalan yang dijana melalui muat turun data selepas data dimasukkan dalam sistem vekpro |
| 14 | Kod lokaliti | Catatkan kod lokaliti |
| 15 | Nama lokaliti | Catatkan nama lokaliti |
| 16-17 | Koordinat (WGS) | Catatkan longitude & latitude lokaliti (5 titik perpuluhan) menggunakan format WGS |
| 18 | Status lokaliti | Catatkan status lokaliti semasa perancangan kawalan sama ada i. Cleared Foci ii. Residual Non Active iii. Active Foci |
| 19 | Bil Rumah/ Kongsy Tetap Semasa Semasa | Catatkan bilangan premis kediaman di lokaliti semasa perancangan |

| No. Rujukan | Tajuk | | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|-------------|--|--------------------|--|
| 20 | Bil. Pondok/ Sulap/ Kongsi Sementara/ DII Semasa | | Catatkan bilangan Premis/ Struktur selain daripada premis kediaman yang perlu disembur di lokaliti semasa perancangan |
| 21 | Jum. Penduduk Semasa | | Catatkan bilangan penduduk di lokaliti semasa perancangan dibuat |
| 22 | Purata Rumah/ Pondok/ | Penyembur Anggaran | Catatkan anggaran bilangan penyembur yang diperlukan untuk membuat semburan dalam sehari. |
| 23 | Sulap / Kongsi Disembur Sehari | Pasukan Anggaran | Catatkan anggaran bilangan pasukan penyembur yang diperlukan untuk melaksanakan semburan residu dalam sehari |
| 24 | Anggaran Bilangan Hari Penyemburan | | Catatkan maklumat anggaran bilangan hari diperlukan untuk melengkapkan aktiviti semburan residu |
| 25 | Bilangan Hari Perjalanan | | Catatkan anggaran bilangan hari perjalanan untuk ke lokaliti semburan |
| 26 | Tarikh Penyemburan Dirancang (Permulaan) | | Catatkan tarikh aktiviti semburan dirancang bermula dilaksanakan |
| 27 | Tarikh Penyemburan Dirancang (Tamat) | | Catatkan tarikh aktiviti semburan dijangka tamat |
| 28 | Formulasi Racun Serangga (Formulasi) | | Pilih daripada <i>dropdown list</i> nama racun yang akan digunakan untuk semburan residu: <ul style="list-style-type: none"> i. K-Othrine 50WP ii. K-Othrine 250 WG iii. Icon 10WP iv. K-Othrine Polyzone v. Lain-Lain |
| 29 | Formulasi Racun Serangga (Lain-lain) | | Sekiranya jenis racun tiada dalam <i>dropdown list</i> , catatkan. |
| 30 | Anggaran Purata Keluasan Permukaan Boleh Disembur Untuk Sebuah Rumah | | Catatkan anggaran keluasan permukaan dinding & lain-lain permukaan yang perlu disembur pada 1 premis kediaman dalam m ² |

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|---|--|---|
| 31 | Anggaran Purata Keluasan Permukaan Boleh Disembur Untuk Sebuah Pondok : | Catatkan anggaran keluasan permukaan dinding & lain-lain permukaan yang perlu disembur pada 1 premis bukan kediaman dalam m ² |
| 32 | Aktiviti Kawalan Yang Dijalankan Dilokaliti Ini | Pilih daripada <i>dropdown list</i> aktiviti kawalan malaria yang dilaksanakan di lokaliti i. Semburan ii. Semburan & Kelambu |
| PENCAPAIAN AKTIVITI SEMBURAN RESIDU (MAKLUMAT ASAS SEMASA) | | |
| 33 | Status lokaliti | Catatkan status lokaliti semasa kawalan dilaksanakan: i. Cleared Foci ii. Residual Non Active iii. Active Foci |
| 34 | Bil Terkini Bil Rumah / Kongsi Tetap | Catatkan maklumat bilangan rumah kediaman sebenar semasa aktiviti |
| 35 | Anggaran keluasan permukaan disembur (Bil Terkini Bil Rumah / Kongsi Tetap) | Catatkan keluasan permukaan dinding & lain-lain permukaan yang disembur pada semua premis kediaman dalam m ² . Formula : Anggaran Purata Keluasan Permukaan Boleh Disembur Untuk Sebuah Rumah (No. Rujukan 30) X Bil Rumah/ Kongsi Tetap Semasa Semasa (No. Rujukan 34) |
| 36 | Bil Terkini Pondok/ Sulap/ Kongsi Sementara | Catatkan maklumat bilangan Pondok/ Sulap/ Kongsi Sementara sebenar semasa aktiviti |
| 37 | Anggaran keluasan permukaan disembur (Bil Terkini Pondok/ Sulap/ Kongsi Sementara) | Catatkan keluasan permukaan dinding & lain-lain permukaan yang disembur pada semua premis bukan kediaman dalam m ² . Formula : Anggaran Purata Keluasan Permukaan Boleh Disembur Untuk Sebuah Rumah (No. Rujukan 31) X |

| No. Rujukan | Tajuk | | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan | |
|---|---------------------------------------|-----------------------|---|--|
| | | | Bil Pondok/ Sulap/ Kongsi Sementara semasa (No. Rujukan 36) | |
| 38 | Bil. Penduduk terkini | | Catatkan bilangan penduduk terkini di lokaliti semasa aktiviti dijalankan. | |
| PENCAPAIAN AKTIVITI SEMBURAN RESIDU | | | | |
| Nota: | | | | |
| <p>i. Definisi semburan lengkap bagi IRS: semua permukaan yang boleh disembur termasuk permukaan luar premis telah disembur.</p> <p>ii. Definisi semburan tidak lengkap bagi IRS: Salah satu ruangan/ permukaan yang boleh disembur tidak disembur.</p> <p>iii. Sekiranya premis kediaman hanya dapat dibuat semburan pada permukaan luar rumah, premis dianggap tidak dibuat semburan IRS. Maka, tiada pencapaian liputan semburan bagi premis tersebut.</p> | | | | |
| 39 | Tarikh Sembur | mula (DD/MM/YYYY) | Catatkan tarikh sebenar aktiviti semburan mula dilaksanakan | |
| 40 | | Tamat (DD/MM/YYYY) | Catatkan tarikh sebenar aktiviti semburan selesai dilaksanakan | |
| 41 | Pusingan Semburan Semasa | | Catatkan pusingan 1/2/3/4/5/6. Contoh RNA, pilih pusingan 1/2/3/4/5/6. Selepas pusingan 6, mula semula dgn. pusingan 1. Bagi Cleared Foci, pilih pusingan 1/2. Selepas pusingan 2, mula semula dgn. pusingan 1. | |
| 42 | Bilangan Pekerja Penyemburan Bertugas | | Catatkan bilangan penyembur yang terlibat dalam semburan di lokaliti | |
| 43 | Bil. Hari Perjalanan | | Catatkan bilangan hari perjalanan yang sebenar | |
| 44 | Bil Struktur Disembur | Rumah /Kongsi | Lengkap | Catatkan Bil. Rumah/ Kongsi Disembur Lengkap |
| 45 | | Tetap | Tidak Lengkap | Catatkan Bil. Rumah/ Kongsi Tidak Disembur lengkap |
| 46 | | Sulap/ Pondok / | Lengkap | Catatkan Bil Pondok/ Sulap/ Kongsi Sementara Disembur lengkap) |

| No. Rujukan | Tajuk | | | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|-------------------------|--------------------------------------|---------------------------------|---|--|
| 47 | | Kongsi Sementara | Tidak Lengkap | Catatkan Bil Pondok/ Sulap/ Kongsi Sementara Tidak Disembur lengkap |
| 48 | Formulasi Racun yg. Digunakan | | | Catatkan jenis racun yang digunakan (K-Othrine WG, K-Othrine WP, K-Othrine Polyzone dll) |
| 49 | Amaun Racun Serangga digunakan | Rumah/ Kongsi Tetap | | Catatkan amaun racun serangga yang digunakan untuk premis kediaman |
| 50 | (kg atau L) | Sulap/ Pondok/ Kongsi Sementara | | Catatkan amaun racun serangga yang digunakan untuk premis bukan kediaman. |
| 51 | Bil. Struktur Tidak Disembur | Rumah/ Kongsi Tetap | Enggan | Catatkan bil. Rumah/ Kongsi Tetap yg. tidak membenarkan semburan residu |
| 52 | | | Tutup / LL | Catatkan Rumah/ Kongsi Tetap yang tutup/ tiada penghuni semasa semburan dibuat |
| 53 | | Sulap/ Pondok /Kongsi Sementara | Enggan | Catatkan bil. Sulap/ Pondok /Kongsi Sementara yg. tidak membenarkan semburan residu |
| 54 | | | Tutup / LL | Catatkan bil. Sulap/ Pondok /Kongsi Sementara yang tutup/ tiada penghuni semasa semburan dibuat |
| 55 | Bilangan Penduduk Dilindungi | | | Catatkan bilangan penduduk dilindungi berdasarkan bilangan premis kediaman yang disembur |
| MAKLUMAT KES | | | | |
| 56 | Maklumat Asas kes | Tarikh Terakhir kes dilaporkan | | Catatkan tarikh terakhir kes dilaporkan (semua jenis parasit malaria dan klasifikasi) |
| 57 | Catatan | | | Catatkan makluman-makluman lain yang penting berkaitan aktiviti semburan residu di lokaliti berkenaan. |
| MAKLUMAT PEGAWAI | | | | |
| 58-60 | Perancangan Aktiviti Semburan Residu | | Tandatangan dan masukkan nama & jawatan pegawai penyedia, | |
| Disediakan oleh: | | | | |

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|-------------|---|---|
| | Disemak oleh: Diperakui & disahkan oleh: | penyemak dan pengesah maklumat perancangan dan tarikh. |
| 61-63 | Pencapaian Aktiviti Semburan Residu | Tandatangan dan masukkan nama & jawatan pegawai penyedia, penyemak dan pengesah maklumat pencapaian dan tarikh. |
| | Disediakan oleh: | |
| | Disemak oleh: | |
| | Diperakui & disahkan oleh: | |

4.2 Pembahagian Tugas Harian Penyembur & Liputan Semburan Residu Mengikut Rumah Di Lokaliti

Tajuk Borang : Pembahagian Tugas Harian Penyembur & Liputan Semburan Residu Mengikut Rumah Di Lokaliti
Kod Borang : PEM:SEM 105(2021)

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|---|--|---|
| 1 | Kod>Nama Negeri | Catitkan kod dan nama negeri berkenaan |
| 2 | Kod>Nama Daerah | Catitkan kod dan nama daerah berkenaan |
| 3 | Kod / Nama Mukim | Catitkan kod dan nama mukim berkenaan |
| 4 | Kod / Nama Lokaliti | Catitkan kod dan nama lokaliti berkenaan |
| 5 | Status lokaliti | Catitkan status stratifikasi lokaliti yang dijalankan aktiviti semburan sama ada Active Foci, RNA atau Cleared Foci |
| Diisi oleh Penyelia (Agihan Tugas) | | No. rujukan dari 6-8 diisi oleh Penyelia bagi tujuan pengagihan tugas penyembur |
| 6 | Bil | Catitkan bilangan mengikut turutan iaitu 1,2,3,4,5,6..... |
| 7 | No. Rumah/ Kongsii Tetap/ Sulap/ Pondok/ kongsii Sementara | Catitkan nombor rumah/ kongsii tetap / pondok/ sulap/ kongsii sementara yang disembur residu. Sekiranya tiada nombor rumah, penyelia boleh menetapkan nombor rumah. |

| No. Rujukan | Tajuk | | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|-----------------------------|--|-----------------------------------|--|
| 8 | Nama Tuan Rumah, Pemunya Sulap/ Pondok & Ketua Penghuni Rumah Sementara. | | Catatkan nama tuan rumah/ Kongsi tetap atau tuan punya bagi pondok /sulap atau ketua penghuni kongsi sementara bergantung kepada struktur yang disembur |
| Diisi oleh Penyembur | | | No. rujukan dari 9-27 ini diisi oleh Penyembur bagi merekod pencapaian semburan residu |
| 9-10 | Koordinat : Latitud, Longitud | | Catatkan koordinat latitude dan longitude lokaliti menggunakan format WGS84 |
| 11-12 | Struktur | Jenis Premis | Tandakan (√) jenis premis samada rumah kediaman/ Kongsi tetap pada ruang (11) atau pondok / sulap / kongsi sementara pada ruang (12) |
| 13-16 | | Jenis Permukaan | Tandakan (√) status jenis permukaan premis samada papan/ kayu (13), buluh (14), konkrit (15) atau logam/ zink (16). |
| 17 | Anggaran Luas Permukaan Untuk Disembur (m ²) | | Catatkan anggaran keluasan permukaan dinding & lain-lain permukaan yang perlu disembur pada ruang bagi struktur berkenaan |
| 18 | Jumlah Penghuni | | Catatkan bilangan penghuni tetap yang mendiami rumah/ kongsi tetap/ pondok/ sulap/ kongsi sementara. Bagi struktur pondok atau sulap yang tiada berpenghuni, tidak perlu diisi ruang ini. |
| 19 | Semburan Residu | Tarikh disembur | Catatkan tarikh semburan residu dijalankan (DD/MM/YYYY) |
| 20-21 | | Disembur: Lengkap / Tidak Lengkap | Tandakan (√) di ruang (20) sekiranya struktur telah disembur lengkap dan di ruang (21) sekiranya struktur disembur tetapi tidak lengkap. Definisi Semburan lengkap bagi IRS: semua permukaan yang boleh disembur termasuk permukaan luar premis telah disembur. Definisi semburan tidak lengkap: |

| No. Rujukan | Tajuk | | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|----------------------------|--|--|--|
| | | | Salah satu ruangan/ permukaan yang boleh disembur tidak disembur. Sekiranya premis kediaman hanya dapat dibuat semburan pada permukaan luar rumah, premis dianggap tidak dibuat semburan IRS. |
| 22-26 | Amaun Diguna Mengikut Jenis Racun Serangga (Sachet/ botol dll): K-Othrine 50 WP /K-Othrine WG/ Icon 10 WP/ Lain-lain | | Catatkan bilangan sachet/ botol racun serangga yang digunakan untuk semburan residu mengikut jenis, K-Othrine WG (22), K-Othrine 50WP (23)/ Icon 10WP pada ruang (24). Sekiranya racun yang digunakan selain daripada pilihan dalam ruangan, catatkan pada ruangan 25 dan nyatakan amaun yang digunakan dalam sachet/ botol. |
| 26-27 | Tidak Disembur: Enggan/ Tutup & Lain-lain | | Tandakan (√) sebab- sebab premis tidak dapat disembu. i. Sekiranya pemilik/ penghuni premis tidak membenarkan semburan residu dijalankan, tandakan (√) pada (26). ii. Sekiranya premis adalah tutup atau tidak berpenghuni masa semburan, tandakan pada ruangan (27) |
| Diisi oleh Penyelia | | | |
| 28 | Catatan | | Ruangan ini disediakan untuk penyelia bagi mencatat maklumat tambahan. |
| 29 | Jumlah | | i. Jumlahkan premis disembur lengkap pada setiap baris column 20 dan catatkan. ii. Jumlahkan premis yang semburan tidak lengkap pada setiap baris column 21 dan catatkan. iii. Jumlahkan amaun racun dalam sachet/ unit yang digunakan pada setiap baris column 22/23/24 |

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|-------------|---|---|
| | | <p>berdasarkan jenis racun digunakan dan catatkan.</p> <p>iv. Jumlahkan premis yang tidak disembur disebabkan enggan pada setiap baris column 26 dan catatkan.</p> <p>v. Jumlahkan premis yang tidak disembur pada setiap baris disebabkan tutup/ lain-lain pada column 27 dan catatkan</p> |
| 30 | <p>Jumlah Keseluruhan Jumlah keseluruhan luas permukaan disembur residu Jum</p> | <p>i. Jumlahkan Luas Permukaan Untuk Disembur Residu (m²) pada setiap baris column 17 dan catatkan.</p> <p>ii. Jumlahkan Penghuni di setiap rumah pada setiap baris column 18 dan catatkan.</p> <p>iii. Jumlah keseluruhan premis yang disembur = jumlah premis disembur lengkap + jumlah premis disembur tidak lengkap.</p> <p>iv. Jumlah keseluruhan premis yang tidak disembur = jumlah enggan + jumlah tutup/ lain-lain.</p> |
| 31 | <p>Bilangan sachet/ botol racun serangga dibekalkan</p> | <p>Catatkan bilangan sachet/ botol racun serangga yang dibekalkan kepada penyembur.</p> |
| 32 | <p>Jumlah sachet/ botol racun serangga digunakan:</p> | <p>Catatkan jumlah sachet/ botol racun serangga yang digunakan oleh penyembur selepas semburan.</p> |
| 33 | <p>Baki sachet/ botol racun serangga:</p> | <p>Kira dan catakan baki sachet/ unit racun serangga yang ada dengan formula: = Bilangan sachet/ unit racun serangga dibekalkan - Jumlah sachet/unit racun serangga digunakan</p> |
| 34 | <p>Amaun racun serangga digunakan (gram atau mL)</p> | <p>Tukar amaun racun serangga yang digunakan ke gram/ mL atau unit metric yang berkenaan. Bulatkan unit metric yang digunakan atau catatkan unit metric yang digunakan.</p> |

| No. Rujukan | Tajuk | Cara Pengisian/ Butir-butir Perlu Diisikan |
|-------------|---------------------------------|--|
| | | Contoh 1 sachet K-othrine 250WG adalah 20g, sekiranya 10 sachet digunakan, Amaun racun serangga digunakan adalah 20g x 10 sachet = 200g |
| 35 | Dosej Racun (g/m ²) | Dosej racun dikira dengan formula berikut: S = jumlah keluasan permukaan disembur (m ²) C = Kepekatan a.i Q = Jumlah racun yang digunakan dalam g Maka, dosej dalam g/m ² , Y adalah $Y = \frac{Q \times C}{S \times 100}$ |
| 36 | Bilangan Penduduk Dilindungi: | Jumlahkan penduduk dilindungi berdasarkan premis yang telah disembur lengkap dan tidak lengkap. |
| 37 | Tarikh semburan bermula | Catatkan tarikh semburan residu mula dijalankan dan tarikh semburan berakhir di lokaliti berkenaan |
| 38 | Tarikh Semburan berakhir: | |
| 39 | Nama Penyembur: | Catatkan nama penyembur dan ditandatangani oleh penyembur. |
| 40 | Tandatangan: | |
